

**JABATAN LANDSKAP NEGARA**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Aras 7, 8, 9 & 10, Blok F10  
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03-8091 0500  
Faks: 03-8091 0670  
Laman Web: [www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my)

Ruj. Kami : ( 61 ) JLN500-6/1/6 (S)  
Tarikh : 11 Mac 2025

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TAWARAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN SKIM PERKHIDMATAN LANDSKAP (PPL) TAHUN 2025 BAGI PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA5 DI JABATAN LANDSKAP NEGARA, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Landskap Negara (JLN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan Peperiksaan Skim Perkhidmatan Landskap Tahun 2025 bagi skim perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap Gred JA5 yang dijadualkan pada **18 Jun 2025 hingga 19 Jun 2025**.

3. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan yang masih belum memenuhi syarat pengesahan perkhidmatan boleh membuat permohonan dengan mengisi borang permohonan menduduki peperiksaan (seperti di lampiran). **Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa kuota calon adalah terhad**. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan kepada urus setia peperiksaan **selewat-lewatnya pada 17 April 2025 (Khamis)**. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh dikemukakan terus kepada urus setia peperiksaan seperti berikut:

| BIL | NAMA PEGAWAI                           | NO. TELEFON | EMEL                                                               |
|-----|----------------------------------------|-------------|--------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Puan Hernizawati binti Abdul Majid     | 03-80910506 | <a href="mailto:hernizawati@jln.gov.my">hernizawati@jln.gov.my</a> |
| 2.  | Encik Mohamad Asyraf bin Mohamad Sidik | 03-80910510 | <a href="mailto:masyraf@jln.gov.my">masyraf@jln.gov.my</a>         |

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(SYAMSUL ERWIN BIN MUHAMAD LAGIS)  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Landskap Negara